

Cabaran Guru Pendidikan Khas Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian

(Challenges of Special Education Teachers in Implementing Online Teaching and Learning)

Fariza Ezlin Binti Zamri¹, Aliza Binti Alias^{2*}

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: ezlin06@yahoo.com

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: eliza@ukm.edu.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Aliza Binti Alias

(eliza@ukm.edu.my)

KATA KUNCI:

Pengajaran & Pembelajaran
dalam talian (PdP)

Covid-19

Murid Berkeperluan Khas

Guru Pendidikan Khas

Perintah Kawalan Pergerakan
(PKP)

KEYWORDS:

Teaching & Learning (T&L)

Covid-19

Special Needs Students

Special Education Teachers

Movement Control Order
(MCO)

CITATION:

Fariza Ezlin Zamri & Aliza Alias. (2022).
Cabaran Guru Pendidikan Khas

Melaksanakan Pengajaran dan
Pembelajaran Dalam Talian. *Malaysian
Journal of Social Sciences and Humanities
(MJSSH)*, 7(5), e001528.

<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1528>

ABSTRAK

Apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan disebabkan oleh penularan wabak Covid-19, maka sesi persekolahan secara bersemuka telah ditutup. Walau bagaimanapun, sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) diteruskan secara dalam talian. Sesi pengajaran dan pembelajaran dalam talian ini juga melibatkan murid berkeperluan khas dan guru pendidikan khas. Kajian ini telah dijalankan untuk meneroka bagaimana guru pendidikan khas mengajar murid berkeperluan khas ini secara dalam talian sepanjang PKP dan cabaran yang dihadapi oleh guru pendidikan khas semasa melaksanakan pengajaran secara dalam talian. Kajian kualitatif ini telah menemui bual 10 orang guru pendidikan khas yang mengajar murid berkeperluan khas di kelas Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) sekolah rendah di sekitar daerah Pengerang Kota Tinggi Johor. Kesemua peserta kajian merupakan guru pendidikan khas yang mempunyai kelayakan ijazah dan juga sarjana dalam opsyen pendidikan khas. Dapatan kajian, mendapati bahawa guru pendidikan khas ini menggunakan kaedah “telegram”, “whatsapp”, “live worksheet” dan “google meet” dalam melaksanakan PdP dalam talian. Manakala cabaran utama yang dihadapi oleh guru pendidikan khas ini ialah faktor capaian internet yang lemah dan kurangnya kemahiran mengendalikan aplikasi dalam talian. Kesimpulannya, terdapat pelbagai platform boleh digunakan oleh guru namun ianya tidak lari daripada cabaran yang harus dihadapi sepanjang melaksanakan PdP secara dalam talian dengan baik. Seterusnya, dapatan dalam kajian ini boleh dijadikan titik permulaan dan cadangan kepada pihak berkuasa seperti pihak kementerian pendidikan Malaysia dalam membantu menangani masalah dan cabaran yang timbul sepanjang guru menjalankan PdP secara dalam talian.

ABSTRACT

When the Movement Control Order (MCO) was implemented due to the Covid-19 outbreak, face-to-face school sessions were closed. Teaching and learning (T&L) sessions, on the other hand, continued online. Students with special needs and special education teachers were also involved in these online teaching and learning sessions. The purpose of this study was to find out how special education teachers teach these special needs children online throughout the MCO, as well as the problems they confront while doing so. Ten special education instructors who educate special needs children in the Special Education Integration Program (PPKI) in primary schools around the Pengerang Kota Tinggi district of Johor were interviewed for this qualitative study. All of this study's participants were teachers with degree and master's qualifications in special education options. According to the findings of the study, these special education teachers execute online T&L using the methods of "telegram," "WhatsApp's," "live worksheet," and "google meet." While the primary problems that special education teachers confront are limited internet access and a lack of knowledge about how to use online apps. To summaries, teachers can utilize a variety of platforms, but none of them can eliminate the obstacles that come with successfully adopting online T&L. Furthermore, the findings of this study may be utilized as a starting point and suggestions to authorities such as the Malaysian Ministry of Education in order to assist in the resolution of issues and obstacles that emerge when teachers perform online T&L.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada tentang pemahaman dan maklumat yang lebih jelas tentang pengalaman realistik terhadap pengajaran dan pembelajaran dalam talian bagi murid-murid berkeperluan khas.

1. Pengenalan

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini, telah memberi impak yang besar dalam sistem pendidikan di seluruh negara. Guru yang kebiasaannya ke sekolah untuk mengajar secara formal dan bersemuka, kini tidak lagi dapat ke sekolah sepanjang tempoh PKP, akibatnya, aktiviti pembelajaran bersemuka tidak dapat dilaksanakan (Sandeep, 2020). Penularan wabak Covid-19 ini, telah mengakibatkan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bersemuka berubah kepada sistem pembelajaran secara dalam talian (Lapada et al., 2020). Kaedah PdP dalam talian ini dilihat berupaya membantu meneruskan rutin PdP murid tanpa sempadan sepanjang tempoh PKP ini. Namun demikian, pelaksanaan PdP secara dalam talian ini tidak dapat dipisahkan daripada pelbagai cabaran terutamanya buat guru. Situasi kini, menuntut semua guru untuk terlibat secara aktif dalam melaksanakan pembelajaran secara dalam talian. Guru berusaha untuk menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran mereka demi kelangsungan pendidikan anak murid mereka. Kesukaran yang guru hadapi inilah yang disebut sebagai cabaran dan ianya merupakan satu proses dinamik yang perlu dihadapi oleh guru dalam pelaksanaan PdP secara dalam talian ini.

2. Sorotan Literatur

2.1. Murid Berkeperluan Khas dan Pengajaran & Pembelajaran Dalam Talian

Murid berkeperluan khas terdiri daripada murid bermasalah pembelajaran, bermasalah dengar dan juga bermasalah lihat. Mereka belajar dan bersekolah di kelas Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di sekolah rendah dan juga sekolah menengah. Mereka ini berumur di antara 7 tahun hingga ke-17 tahun. Kesan wabak Covid-19 ini telah memaksa banyak perubahan dalam domain kehidupan kini. Dalam memastikan kesinambungan pendidikan bagi semua murid, kini aktiviti pendidikan di setiap negara telah beralih kepada proses pendidikan jarak jauh dan menggunakan pelbagai jenis alat teknologi yang berasaskan Internet ([Zhou et al., 2020](#)). Pembelajaran dalam talian ini pula boleh didefinisikan sebagai suatu arahan yang disampaikan melalui peranti digital yang bertujuan untuk menyalur dan menyokong sesuatu pembelajaran itu. Ia juga ditakrifkan sebagai satu aktiviti pembelajaran yang berlaku dalam persekitaran bergerak ataupun tidak bergerak dengan menggunakan pelbagai peranti digital seperti komputer riba, telefon bimbit dan lain-lain yang dihubungkan dengan rangkaian internet ([Singh & Thurman, 2019](#)).

Pelaksanaan PdP dalam talian terhadap murid berkeperluan khas ini telah memberi satu cabaran yang besar buat guru pendidikan khas. Menurut [Mishra \(2020\)](#) pembelajaran dalam talian ini merupakan satu inisiatif yang bermanfaat dalam sistem pendidikan, namun tahap penguasaan dan keberkesanannya masih rendah dalam memenuhi keperluan pembelajaran bagi murid berkeperluan khas. Hal ini kerana, aplikasi dan medium yang digunakan ketika melaksanakan pembelajaran dalam talian dilihat kurang bersesuaian dengan tahap ketidakupayaan murid berkeperluan khas ini ([Nusser, 2021](#)). Selain itu, murid berkeperluan khas ini dilihat tidak dapat menyesuaikan diri mereka dengan bahan pembelajaran yang diberikan secara dalam talian oleh guru ([Supratiwi et al., 2021](#)).

Seterusnya, dalam aspek pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian, guru dilihat masih kurang mempunyai kemahiran profesional berkaitan dengan penggunaan bahan media digital dan juga medium pembelajaran dalam talian ini ([Ames et al. 2020](#)). Hal ini menyebabkan guru, lebih selesa dengan kaedah serta pendekatan PdP yang konvensional walaupun situasi kini menuntut semua guru untuk terlibat secara aktif dalam melaksanakan PdP secara dalam talian. Oleh yang demikian, kajian ini dilaksanakan adalah untuk meneroka kaedah yang digunakan dan cabaran yang dihadapi oleh guru pendidikan khas sewaktu menyampaikan PdP dalam talian sepanjang tempoh PKP. Secara khususnya objektif kajian ini adalah meneroka kaedah pengajaran & pembelajaran dalam talian yang digunakan dan cabaran yang dihadapi oleh guru pendidikan khas ketika melaksanakan pengajaran & pembelajaran dalam talian terhadap murid berkeperluan khas semasa PKP.

3. Metod Kajian

Kajian kualitatif ini, telah memilih 10 orang guru pendidikan khas sebagai peserta kajian dengan menggunakan kaedah persempelan bertujuan. 10 orang peserta kajian ini merupakan guru pendidikan khas yang semuanya terlibat dalam pelaksanaan PdP sepanjang tempoh PKP dan peserta kajian ini mengajar di kelas Pendidikan Khas Integrasi di sekolah rendah di sekitar daerah Pengerang Kota Tinggi. Kesemua peserta kajian ini merupakan graduan yang memiliki Ijazah Sarjana Muda ataupun Sarjana dalam bidang

Pendidikan Khas dan merupakan guru pendidikan khas yang berpengalaman mengajar antara 5 hingga 20 tahun. Peserta kajian telah ditemu bual menggunakan protokol soalan temu bual yang telah dibina, dan rakaman video juga dibuat sepanjang sesi temu bual berlangsung. Sesi temu bual dilaksanakan mengikut kesesuaian masa dan keselesaan peserta kajian. Temu bual ini dilaksanakan menggunakan aplikasi “Google Meet”.

Rakaman temu bual ditranskripkan dalam bentuk verbatim di dalam komputer dengan menggunakan aplikasi “Microsoft Word”, bagi rakaman video pula, satu borang senarai semak disediakan untuk menilai dan merekod data yang diperhatikan dalam rakaman tersebut. Paparan tangkap layar juga diambil semasa sesi temu bual di “Google Meet” sebagai data tambahan dalam menganalisis dokumen sewaktu proses refleksi dan pengekodan. Bagi pengurusan data, perisian “*microsoft excel*” digunakan dalam menguruskan data-data yang diperolehi daripada temu bual yang dilaksanakan. Penggunaan perisian “Microsoft Excel” adalah untuk menguruskan data dengan baik dan teratur kerana perisian ini mudah digunakan dan mampu menyimpan serta menyusun data yang ada mengikut tema-tema dalam kajian ini.

4. Dapatan Kajian

4.1. Kaedah Pengajaran & Pembelajaran Dalam Talian

Hasil analisis temu bual menunjukkan terdapat empat tema kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam talian yang digunakan oleh guru pendidikan khas (peserta kajian) sepanjang PdP dalam talian yang dijalankan semasa tempoh PKP. Antara kaedah pengajaran yang digunakan oleh peserta kajian adalah seperti Aplikasi Telefon Pintar, Aplikasi Sidang Video dan Kaedah Luar Talian. Melalui temu bual yang telah dijalankan terhadap 10 orang peserta kajian, kesemua mereka menggunakan tiga kaedah PdP dalam talian yang berlainan mengikut kesesuaian mereka. Dapatan menunjukkan bagi tema Aplikasi Dalam Telefon Pintar, penggunaan aplikasi “*whatsapp*” dan “*telegram*” merupakan aplikasi yang sering digunakan oleh peserta kajian dalam melaksanakan PdP secara dalam talian. Kesemua peserta menyatakan bahawa penggunaan aplikasi “*whatsapp*” dan juga “*telegram*” ini adalah mudah dan juga mesra murid. Ia juga mudah difahami berbanding aplikasi yang lain. Penggunaan alat aplikasi ini dinyatakan lebih efisien dan berkesan dalam membantu murid khas ini untuk sama-sama terus melibatkan diri dalam pembelajaran yang diadakan. Disamping itu, ia juga memudahkan ibu bapa untuk membantu dan mengawal anak mereka sewaktu menggunakannya. Menurut [Syed Lamsah \(2020\)](#) pula, beliau bersetuju di mana aplikasi “*whatsapp*” dan “*telegram*” ini mudah digunakan dan tidak rumit untuk seseorang individu itu untuk mula menggunakannya. Dapat dilihat daripada dapatan ini, guru pendidikan khas ini mencari jalan dan menyesuaikan kaedah dalam talian yang digunakan selari dengan kemampuan dan juga keupayaan murid mereka serta tahap ekonomi keluarga murid.

Seterusnya, penggunaan aplikasi “*Live worksheet*”. “*Live worksheet*” juga digunakan sebagai medium pelaksanaan PdP dalam talian. Majoriti peserta kajian ini, menggunakan alternatif pemberian latihan pengukuhan dengan menggunakan aplikasi “*live worksheet*” sebagai latihan pengukuhan secara dalam talian. Penggunaan “*live worksheet*” ini, dinyatakan dapat menarik minat dan juga memudahkan murid untuk membuat latihan secara langsung di dalam talian. Disamping itu, ia memudahkan peserta kajian untuk menyemak tugas yang diberikan. Ini selaras dengan dapatan kajian daripada [Amber \(2018\)](#), dimana mereka menyatakan bahawa aplikasi “*Live worksheet*” ini berfungsi untuk menghubungkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran supaya menjadi lebih berkesan

dan satu interaksi juga terbentuk antara pelajar dan guru, hal ini dapat meningkatkan aktiviti dan minat murid dalam meningkatkan pencapaian pembelajaran.

Manakala pemberian modul merupakan satu kaedah luar talian yang digunakan oleh peserta kajian kerana menurut peserta kajian, ianya mudah diaplikasikan kepada murid yang tidak berkeupayaan untuk mengikuti kelas dan sesi pembelajaran secara dalam talian dan juga tidak membebankan murid serta ibu bapa. Sesetengah murid tidak mampu dan tidak mempunyai peralatan yang sesuai untuk menghadiri kelas dalam talian dan mengikuti aktiviti yang diberikan secara digital. Antara yang menjadi penghalang bagi murid untuk aktif dalam PdP yang dijalankan secara dalam talian ialah mereka tidak mempunyai peranti elektronik seperti komputer, telefon dan kamera. Oleh itu, pemberian modul ini merupakan alternatif yang diambil oleh peserta kajian dalam usaha membantu anak murid yang tidak berkeupayaan untuk mengikuti PdP secara dalam talian, kesemua peserta kajian menyatakan bahawa mereka menggunakan kaedah ini. Alternatif ini dapat memastikan murid tidak ketinggalan dan dapat sama belajar walaupun tidak secara dalam talian.

Dapatan kajian juga mendedahkan bahawa peserta kajian menganggap penggunaan aplikasi "*Google Meet*" dalam melaksanakan PdP secara dalam talian mereka adalah lebih mudah dan menarik. Mereka menunjukkan persepsi positif keseluruhan tentang pelaksanaan PdP dalam talian dengan menggunakan aplikasi "*google meet*". Dapatan ini secara langsung selari dengan hasil kajian oleh Mishra (2020), yang mendedahkan bahawa penggunaan aplikasi "*Google Meet*" sebagai mekanisme PdP dalam talian adalah sangat bermanfaat. Ini menunjukkan bahawa peserta kajian menyesuaikan situasi dan keupayaan murid dengan memilih aplikasi "*google meet*" sebagai salah satu platform penyampaian aktiviti PdP dalam talian mereka. Ini kerana, penggunaan aplikasi "*google meet*" dilihat lebih mudah untuk dikendalikan dan ia juga lebih stabil berbanding penggunaan "*video call*". Pendapat ini juga diturut disokong oleh Purwanto dan Tannady (2020) dalam penyelidikan mereka dimana, mereka berpendapat bahawa aplikasi "*Google Meet*" merupakan salah satu alternatif yang boleh dipilih dan digunakan dengan mudah sebagai media pembelajaran dalam talian semasa pandemik, walaupun hanya melalui video persidangan, ianya memadai untuk menggantikan proses pembelajaran bersemuka secara fizikal di dalam kelas.

4.2. Cabaran Yang Dihadapi Oleh Guru Dalam Melaksanakan PdP Dalam Talian

Analisis dapatan kajian menunjukkan terdapat 4 tema dalam halangan yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan PdP secara dalam talian. Iaitu Kemahiran & pengalaman, Murid, Capaian Internet dan Bahan Bantu Mengajar. Dalam tema Kemahiran dan pengalaman, terdapat dua subtema yang dilihat iaitu guru yang berkemahiran dan juga tidak berkemahiran dalam mengendalikan aplikasi dalam talian. 6 orang peserta kajian menyatakan mereka berkemahiran dalam mengendalikan aplikasi dalam talian. Peserta kajian juga tidak mempunyai masalah dalam membina dan menggunakan aplikasi dalam talian sepanjang PdP secara dalam talian. Manakala bagi sub tema tidak berkemahiran, 4 orang peserta kajian menyatakan bahawa mereka agak sukar untuk mengikuti dan menyesuaikan diri dalam penggunaan aplikasi dalam talian. Daripada dapatan kajian yang telah dinilai dan di transkripsikan ini, dapat dilihat bahawa kemahiran dan juga pengalaman seseorang peserta kajian itu mempengaruhi perjalanan pelaksanaan PdP dalam talian yang dijalankan.

Hal ini kerana, kaedah yang digunakan adalah berbeza daripada kaedah pengajaran bersemuka di dalam kelas, seperti tidak adanya interaksi bersemuka secara fizikal seperti di sekolah. Memandangkan PdP dalam talian adalah norma baharu, beberapa cabaran yang timbul dalam pelaksanaannya adalah dari segi kekurangan pengetahuan berkaitan dalam talian ([Siti Nurbaizura & Nurfaradilla, 2020](#)). Terdapat guru yang tidak mahir atau tidak mempunyai kemahiran untuk mengendalikan dan memanipulasi peranti teknologi maklumat dan komunikasi. Ini menyukarkan mereka untuk melaksanakan aktiviti PdP dalam talian dengan lancar dan berkesan. Mereka akan berasa kurang selesa dan kurang yakin untuk membuat dan membina perancangan PdP dalam talian.

Keadaan ini menimbulkan kesukaran kepada guru yang kurang mahir dalam mengendalikan peranti digital. Kesukaran yang mereka rasai ini menjadikan mereka kurang berminat dan bersetuju dengan gaya PdP secara dalam talian. Situasi ini selari dengan pernyataan [Duraku dan Hoxha \(2020\)](#) dimana, mereka menyatakan bahawa masih ramai lagi guru yang tidak mahir dalam mengendalikan teknologi dan mengimplementasikan teknologi dalam pendidikan mereka, malah dilihat juga bahawa mereka masih kurang berpengalaman dalam menggunakan teknologi bagi melaksanakan pengajaran dalam talian dan diselarikan dengan keperluan pembelajaran murid berkeperluan khas.

Tema baru juga muncul iaitu faktor perbezaan umur dan juga status diri. Disini Perbezaan umur merujuk kepada guru senior dan juga guru muda. Di mana, hasil dapatan menunjukkan guru muda ini mereka dilihat lebih mudah untuk mengadaptasikan PdP secara dalam talian ini dengan baik dan boleh mengaplikasikan pelbagai jenis aplikasi dalam talian yang ada sewaktu melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam talian mereka. Berbeza dengan guru senior, di mana dapatan menunjukkan mereka kurang berminat dan mahir untuk mengimplementasikan PdP secara dalam talian ini. Mereka dilihat lebih gemar untuk mengajar secara bersemuka dan hanya menggunakan satu jenis aplikasi yang mudah dan mereka agak sukar untuk mengikuti dan menyesuaikan diri dalam penggunaan aplikasi dalam talian.

Seterusnya, bagi tema murid, subtema yang dilihat ialah tahap keupayaan yang berbeza dan juga faktor ekonomi keluarga. Dapatan kajian mempamerkan bahawa kesemua peserta kajian menyatakan perkara yang sama. Dimana cabaran kepada pelaksanaan PdP dalam talian yang berkesan adalah berfaktor kepada murid. Hal ini kerana, murid berkeperluan khas ini merupakan murid yang berlainan upaya, dan tahap keupayaan mereka yang berbeza menyebabkan guru sukar untuk mengajar secara dalam talian. Murid berkeperluan khas merupakan murid yang amat memerlukan pembelajaran yang bersemuka dengan guru di sekolah. Hal ini kerana, murid berkeperluan khas tidak sama seperti murid normal yang lain, bagi kebanyakan murid khas ini, salah satu cabaran terbesar dalam pembelajaran dalam talian ialah keupayaan untuk mereka kekal fokus pada skrin untuk jangka masa yang lama dan mereka ini amat memerlukan bimbingan daripada guru secara berulang-ulang ([Nusser, 2021](#)).

Keupayaan murid yang berbeza juga merupakan salah satu dapatan yang kerap dinyatakan oleh peserta kajian sebagai salah satu halangan yang dihadapi oleh mereka sewaktu melaksanakan PdP secara dalam talian di mana tahap keupayaan murid adalah berbeza-beza. Cabaran timbul apabila guru sukar untuk memastikan semua murid berkeperluan khas ini dapat dipenuhi keperluannya pendidikannya dalam PdP yang dilaksanakan secara dalam talian ([Supratiwi et al., 2020](#)), terutamanya, bagi murid yang mengalami kecacatan yang pelbagai. Murid dilihat bergelut untuk mengikuti rutin dan

jadual PdP dalam talian kerana mereka ini sebenarnya memerlukan persekitaran pembelajaran yang lebih berstruktur dan interaksi dengan rakan sebaya dan guru mereka secara bersemuka.

Selain itu, keadaan sosioekonomi keluarga juga menjadikan PdP secara dalam talian ini tidak mencapai tahap yang maksimum keberkesanannya. Hal ini kerana, tidak semua murid berkemampuan untuk memiliki alat peranti dan juga capaian internet untuk mengikuti kelas secara dalam talian. Hubungan faktor ekonomi keluarga dalam prestasi murid sewaktu mengikuti PdP secara dalam talian. Hasil dapatan menunjukkan sosioekonomi keluarga yang rendah menyebabkan kebanyakan murid ini tidak dapat mengikuti pengajaran dan pembelajaran dalam talian yang diadakan oleh guru dengan sepenuhnya. Tidak semua keluarga mempunyai alat peranti dan juga capaian internet yang bagus dalam mengakses pengajaran dan pembelajaran dalam talian yang diadakan.

Bagi tema capaian internet, terdapat dua subtema iaitu capaian internet yang lemah dan juga kedudukan kawasan luar bandar. Semua peserta kajian menyatakan dapatan yang sama di mana, capaian internet yang lemah dan kawasan Pengerang yang berada di luar bandar ini merupakan salah satu faktor ketidaklancaran dalam melaksanakan PdP secara dalam talian. Penggunaan Internet telah berkembang pesat sepanjang dekad yang lalu di hampir setiap negara di dunia hari ini dan kini berjuta-juta individu disambungkan kepada capaian internet dan internet telah menjadi tulang belakang kepada ekonomi maklumat dan dunia dalam talian. Namun demikian hasil dapatan kajian, cabaran utama yang dilihat kerap dinyatakan oleh peserta kajian ialah sambungan capaian internet. Di mana, mereka berdepan dengan cabaran terhadap sambungan capaian internet yang tidak baik dan juga lemah. Walaupun penggunaan internet telah pun berkembang pesat sejak beberapa tahun kebelakangan ini, namun ianya dilihat lebih berfungsi di bahagian bandar berbanding di kawasan pekan yang lebih kecil dan jauh dari bandar, yang mana untuk mendapatkan sambungan capaian internet yang konsisten dengan kelajuan yang baik adalah bermasalah.

Secara amnya, peserta kajian ini mempunyai akses kepada alat peranti seperti telefon dan juga komputer untuk melaksanakan PdP secara dalam talian. Namun cabaran mereka hadapi adalah terhadap sambungan internet yang lemah dialami oleh peserta di kawasan mereka. Ini adalah selaras dengan kajian yang dijalankan mengenai pelayaran internet semasa PKP oleh [Isa dan Latiff \(2020\)](#) dimana mereka menyatakan bahawa masalah infrastruktur bagi mereka yang tinggal di kawasan luar bandar terutamanya merujuk kepada sebaran jalur internet yang tidak tersedia dan capaian jalur internet yang rendah. Tanpa sambungan internet yang konsisten sewaktu melaksanakan PdP dalam talian, kesinambungan dalam proses pendidikan ini akan terganggu dan memberi kesan negatif kepada murid dan juga guru. Kekurangan capaian internet yang baik juga menjadi salah satu batas kepada pelaksanaan PdP dalam talian yang baik dan lancar. Hal ini kerana, capaian internet merupakan elemen penting dalam mengendalikan kelas atas talian. Kekangan wujud apabila guru sukar menyampaikan pengajaran mereka bagi murid yang tinggal di kawasan yang kurang mendapat liputan internet, kurang kebolehcapaian internet yang pantas, berpatutan dan boleh dipercayai ini, menghalang proses pembelajaran dalam talian terutama bagi mereka yang tinggal di kawasan luar bandar.

Bagi tema bahan Bantu mengajar, dapatan kajian memperlihatkan semua peserta kajian menyatakan jawapan yang sama, dimana semua peserta kajian menyatakan bahawa bahan bantu mengajar yang boleh digunakan dalam talian adalah kurang sesuai untuk murid berkeperluan khas. Kekurangan bahan bantu mengajar yang sesuai digunakan bagi PdP dalam talian merupakan antara cabaran yang jelaskan dinyatakan oleh peserta kajian.

Hasil dapatan kajian menunjukkan kekangan dan cabaran yang timbul dalam keperluan untuk menyediakan bahan bantu mengajar bagi pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian yang memerlukan masa. Guru perlu memastikan bahawa bahan bantu mengajar yang disediakan untuk pengajaran dan pembelajaran dalam talian ini adalah selaras dan bersesuaian dengan tahap ketidakupayaan yang dialami oleh murid berkeperluan khas. Majoriti peserta kajian menyatakan bahawa, pengajaran dan pembelajaran dalam talian ini kurang efisien dalam memberi kefahaman yang baik kepada murid khas ini. Hal ini, misalnya dalam menerangkan satu topik yang kompleks, ianya memerlukan teknik operasi dan amalan di persekitaran fizikal dan juga bersemuka (Glessner & Johnson, 2020). Selain itu, guru juga berhadapan dengan bahan bantu mengajar yang terhad untuk digunakan oleh murid berkeperluan khas. Apa yang dinyatakan adalah, alat dan platform dalam talian yang ada kini dilihat kurang sesuai dan terhad dengan keperluan dan keadaan ketidakupayaan murid berkeperluan khas ini. Contohnya dalam berhadapan dan berhubungan dengan murid bermasalah penglihatan dan bermasalah dengar, di mana murid berkeperluan khas ini memerlukan sokongan dan penggunaan peralatan khas bagi membantu mereka dalam berinteraksi dan juga mengikuti sesuatu aktiviti pembelajaran.

5. Kesimpulan

Penyebaran virus Covid 19 ini telah menjadi fenomena global yang telah banyak menjejaskan kelancaran sistem pendidikan. Bukan hanya di Malaysia, tetapi kini semua negara telah memutuskan untuk melaksanakan pembelajaran dan pengajaran secara dalam talian tidak kira di peringkat rendah, menengah dan juga pengajian tinggi. Di sini, kita boleh lihat bagaimana, peserta kajian yang merupakan guru pendidikan khas melaksanakan PdP secara dalam talian sepanjang tempoh PKP ini, dan beberapa alternatif yang digunakan serta kaedah PdP disesuaikan dengan melihat pelbagai situasi dan juga kemampuan murid khas ini seperti menggunakan aplikasi telefon pintar, aplikasi sidang video dan juga kaedah luar talian.

Kesimpulannya, kaedah PdP dalam talian ini boleh dilaksanakan dengan menggunakan beberapa kaedah mengikut kesesuaian kerana pelbagai platform boleh digunakan oleh guru dalam melaksanakan PdP secara dalam talian ini. Namun ianya bukanlah suatu perkara yang boleh diambil remeh dan mudah. Hal ini kerana, objektif PdP yang maksimum mungkin tidak dapat diperolehi seperti yang disasarkan. Namun sebagai guru, bukanlah menjadi alasan untuk tidak melaksanakan PdP dengan baik, guru perlu sentiasa bersedia menghadapi segala cabaran dan bijak untuk memilih pendekatan dan metodologi yang sesuai untuk mendidik anak murid sedaya upaya dalam membantu mereka menimba ilmu. Kaedah PdP yang diketengahkan dalam kajian ini diharap mampu membantu membimbing guru untuk melaksanakan PdP secara dalam talian dengan lebih berkesan, terutamanya bagi guru pendidikan khas yang memfokuskan kemenjadian murid berkeperluan khas ini. Seterusnya, dapatan dan perbincangan dalam kajian ini boleh dijadikan titik permulaan dan cadangan kepada pihak berkuasa seperti pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam membantu menangani masalah serta kekangan yang timbul sepanjang guru menjalankan PdP secara dalam talian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih diucapkan kepada Dr. Aliza Binti Alias selaku penyelia yang banyak memberikan dorongan dan bimbingan sepanjang tempoh kajian ini berlangsung. Ribuan

terima kasih juga ditujukan kepada peserta kajian yang memberi kerjasama sewaktu kajian ini dijalankan.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan daripada mana-mana pihak.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulisan ini tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan.

Rujukan

- Ames, K., Harris, L.R., Dargusch, J. Dargusch & C. Bloomfield. (2020). 'So you can make it fast or make it up': K-12 teachers' perspectives on technology's affordances and constraints when supporting distance education learning. *Aust. Educ. Res*, 48, 359–376 <https://doi.org/10.1007/s13384-020-00395-8>
- Amber Navarre. (2018). *Technology-Enhanced Teaching and Learning of Chinese a Foreign Language*. New York: Routledge
- Duraku, Z. H., & Hoxha, L. (2020) The impact of COVID-19 on education and on the well-being of teachers, parents, and students: Challenges related to remote (online) learning and opportunities for advancing the quality of education. *See discussions, stats, and author profiles for this publication at: <https://www.researchgate.net/publication/341297812>*.
- Glessner, M. M., & Johnson, S. A. (2020). The experiences and perceptions of practicing special education teachers during the COVID-19 pandemic. *The Interactive Journal of Global Leadership and Learning*, 1(2), 4.
- Isa, K., & Latiff, A. A. (2018). Internet Browsing Trends among Malaysians during Movement Control Order (MCO) Period. *International Journal of Emerging Technologies in Engineering Research*, 8(4).
- Lapada Alea, Fabrea, M. F., Roldan, R. D. A., & Farooqi, A. Z. (2020). Teachers' Covid-19 Awareness, distance learning education experiences and perceptions towards institutional readiness and challenges. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 19(6), 127-144.
- Mishra, L., Gupta, T., & Shree, A. (2020). Online teaching-learning in higher education during lockdown period of COVID-19 pandemic. *International Journal of Educational Research Open*, 1, 100012.
- Nusser, L. (2021). Learning at home during COVID-19 school closures–How do German students with and without special educational needs manage?. *European Journal of Special Needs Education*, 36(1), 51-64.
- Purwanto, E., & Tannady, H. (2020). The factors affecting intention to use google meet amid online meeting platforms competition in Indonesia. *Technology Reports of Kansai University*, 62(06), 2829-2838.
- Sandeep Krishnamurthy. (2020). The Future of Business Education: A Commentary in the Shadow of the Covid-19 Pandemic. *Journal of business research*, 117, 1-5.
- Singh, V., & Thurman, A. (2019). How many ways can we define online learning? A systematic literature review of definitions of online learning (1988-2018). *American Journal of Distance Education*, 33(4), 289-306.

- Supratiwi, M., Yusuf, M., & Anggarani, F. K. (2021). Mapping the Challenges in Distance Learning for Students with Disabilities during Covid-19 Pandemic: Survey of Special Education Teachers. *International Journal of Pedagogy and Teacher Education*, 5(1), 11-18.
- Syed Lamsah Syed Chear. (2017). Pengajaran dan Pembelajaran Melalui Aplikasi WhatsApp Dan Telegram di Universiti Swasta. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(2), 87-97.
- Siti Nurbaizura, C. A., & Nurfaradilla, M. N. (2020). Pandangan Guru Terhadap Pembelajaran dalam Talian melalui pendekatan Home Based Learning (HBL) semasa tempoh Pandemik COVID-19. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11, 46-57.
- Zhou, L., Wu, S., Zhou, M., & Li, F. (2020). 'School's out, but class' on', the largest online education in the world today: Taking China's practical exploration during The COVID-19 epidemic prevention and control as an example. *Best evid chin edu*, 4(2), 501-519.